

Rujukan : ANM(T)513/64

Pt.1-A/()

19hb. Januari, 1976

Kepada semua:

Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan

Akauntan Perbendaharaan

Bendahari Negeri Selangor

Pemegang Panjar

Pegawai Pembayar

Pegawai Pengakaun

Tuan

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 1976

PENGGUNAAN SLIP BAYAR-MASUK BANK/PENYATA PEMUNGUT

BENTUK BAHARU BAGI KREDIT KE DALAM AKAUN BESAR.

AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA DI BANK NEGARA MALAYSIA, KUALA LUMPUR

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk mengumumkan penggunaan Slip Bayar-masuk Bank yang berbentuk baharu dan menerangkan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan tentang peraturan mengguna dan menyampaikannya. Slip baharu ini telah dicetak bersekali dengan Penyata Pemungut (Kew.244a) (Pindaan 11/66) serta mempunyai salinan pendua (duplicate). Contoh borang baharu ini disertakan kepada Pekeliling ini.

2. Penggunaan borang baharu ini adalah pada mulanya terhad kepada pembayaran masuk terus kepada kredit Akaun Besar, Akauntan Negara Malaysia di Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur sahaja oleh mana-mana Jabatan Kerajaan dan akan berkuatkuasa mulai dari 1hb. Februari, 1976. Oleh yang demikian jabatan-jabatan yang berkenaan adalah dinasihatkan supaya mendapatkan bekalan borang ini terus dari Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur sebelum tarikh tersebut supaya urusan pembayaran masuk pada tarikh yang ditetapkan itu dapat berjalan dengan sempurna.

Dengan penggunaan borang baharu ini, jabatan-jabatan yang membayar masuk wang kedalam Akaun Besar, Akauntan Negara Malaysia, Kuala Lumpur tidak lagi dikehendaki menyediakan Penyata Pemungut yang berasingan untuk disampaikan ke Jabatan Akauntan Negara, Kuala Lumpur seperti yang dilakukan sekarang.

Borang baharu ini mempunyai dua bahagian dimuka hadapannya iaitu

- i) Slip Bayar-masuk dan
- ii) Penyata Pemungut

Semua ruang dan petak yang terdapat dimuka hadapan dan dibelakang borang ini hendaklah dipenuhi (dalam dua

salinan sebelum ianya diserahkan kepada Bank Negara bersama dengan pembayarannya).

Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur akan menggunakan kedua-dua salinan borang ini untuk mengeluarkan resitnya dan akan menyerahkan balik kepada pihak yang membayar salinan pendua yang telah diresitkan. Resit asal akan disimpan oleh Bank untuk diserahkan ke Jabatan Akauntan Negara bagi tindakan selanjutnya.

Bagi bayaran masuk kedalam Akaun Besar Akauntan Negara Malaysia, Kuala Lumpur yang dibuat secara pindahan dari lain-lain bank, peraturan yang ada sekarang hendaklah terus digunakan.

Pada masa yang lalu terdapat juga pembayaran wang deposit tender dibuat oleh penender sendiri kedalam Akaun Besar Akauntan Negara. Dengan terlaksananya penggunaan slip bayar-masuk bank yang baharu ini, amalan tersebut tidak lagi boleh digunakan. Pembayaran deposit tender hendaklah dibuat di Jabatan yang mempelawa tender itu dan jabatan tersebut hendaklah mengeluarkan resit jabatannya bagi urusan tender itu.

Apa-apa penjelasan lanjut yang diperlukan mengenai pekeliling ini bolehlah didapati daripada Ketua Bahagian Akaun, Jabatan Akauntan Negara, No. Talipon 83131 sambungan 366

Saya yang menurut perintah,

(RAJA ABDUL AZIZ B. RAJA SALIM)

b.p. Akauntan Negara

Malaysia.

s.k : Pengurus

Cawangan Kuala Lumpur,

Bank Negara Malaysia

KUALA LUMPUR